

# Tidak perlu siar perhimpunan parti secara langsung – MCA

UM - 23/11/2006

PUTRAJAYA 22 Nov. – MCA hari ini menyatakan pendirian bahawa tidak ada keperluan untuk menyiarkan perhimpunan agung parti secara langsung melalui televisyen.

Timbalan Presiden MCA yang juga Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy berkata, ini kerana perhimpunan agung parti adalah perhimpunan dalaman parti itu, jadi tidak perlu disiarkan secara langsung.

“MCA telah menyatakan pandangan mengenai perkara itu dalam mesyuarat Kabinet hari ini,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet kementeriannya di sini, hari ini.

Sebelum ini, Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Majlis Ter-

tinggi (MT) UMNO akan melihat dengan serius kewajaran mengadakan siaran langsung sepanjang perhimpunan agung itu pada masa akan datang.

Menurut Najib, ini kerana terdapat sesetengah pihak yang merasakan bahawa langkah menyiarkannya secara langsung adalah tidak wajar kerana terdapat pandangan yang ‘menggangu’.

Ketika ditanya bagaimana maklum balas daripada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Tun Razak mengenai pandangan MCA di dalam mesyuarat Kabinet hari ini, beliau berkata:

“Saya rasa biar Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang membuat kenyataan mengenainya tetapi kita (MCA) lihat tidak ada keperluan untuk siaran langsung.”